



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN

**TEKS UCAPAN ALU-ALUAN
KETUA PENGARAH PERTANIAN**

**DIBACAKAN OLEH
YBRS. PUAN LATIFAH BINTI MERAIS
MENANGGUNG TUGAS PENGARAH
BAHAGIAN KAWALAN RACUN PEROSAK DAN BAJA**

**SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN PROGRAM KITAR SEMULA
BEKAS RACUN MAKHLUK PEROSAK
DALAM INDUSTRI KELAPA SAWIT**

17 JUN 2025 | SELASA

**LADANG RIMMER
KLK BERHAD, LAHAD DATU, SABAH**

Assalamualaikum wbt dan Salam Malaysia Madani,

1. Terlebih dahulu, izinkan saya menyampaikan salam hormat daripada Ketua Pengarah Pertanian, YBhg. Dato' Nor Sam binti Alwi. Beliau memohon maaf kerana tidak dapat bersama-sama kita pada hari ini disebabkan komitmen tugas rasmi yang tidak dapat dielakkan. Justeru, saya diberi amanah untuk menyampaikan teks ucapan beliau.
2. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun dalam **Majlis Pelancaran Program Kitar Semula Bekas Racun Makhluk Perosak dalam Industri Kelapa Sawit** pada hari ini.
3. Bagi pihak Jabatan Pertanian, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Mohammad Yusof bin Apdal, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) atas kesudian hadir dan menyempurnakan majlis ini meskipun dalam kesibukan tugas rasmi. Kehadiran Yang Berhormat Dato' mencerminkan komitmen Kerajaan Persekutuan dalam mendukung usaha kelestarian sektor pertanian dan perladangan negara.

Yang Berhormat Dato' dan sidang hadirin sekalian,

4. Program ini merupakan inisiatif penting Jabatan Pertanian dalam memperkukuh amalan pertanian lestari dalam kalangan pengusaha sawit, khususnya dari segi pengurusan sisa bahan kimia berbahaya seperti bekas racun makhluk perosak. Untuk makluman, objektif utama program ini adalah untuk:
 - i. Memastikan pelupusan bekas racun perosak dilaksanakan secara sistematik dan selamat;

- ii. Mengurangkan risiko kesihatan dan pencemaran alam sekitar;
 - iii. Menyediakan platform pelupusan yang praktikal kepada pengguna; dan
 - iv. Menggalakkan pelaksanaan Amalan Pertanian Baik (APB) serta pematuhan terhadap piawaian kelestarian industri sawit.
5. Umum mengetahui bahawa bekas racun perosak diperbuat daripada pelbagai bahan seperti plastik, kaca, logam dan kadbod. Namun begitu, hanya bekas plastik jenis **High Density Polyethylene (HDPE), Polypropylene (PP), Polyamide Polyethylene (PA-PE)** dan **Polyethylene Terephthalate (PET atau PETE)** yang telah dibilas sebanyak tiga kali sahaja layak dikitar semula.
6. Bekas racun perosak dikategorikan sebagai **Buangan Terjadual Kod SW409** dan wajib dilupuskan di pusat pelupusan berlesen seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Pembuangan secara sembarangan di ladang, sungai atau melalui pembakaran terbuka adalah suatu kesalahan mengikut peruntukan undang-undang.
7. Berdasarkan data terkini, jumlah kemasukan racun makhluk perosak ke pelabuhan-pelabuhan utama di Sabah menunjukkan trend peningkatan;
- **Tahun 2023:** 6,377 tan (Tawau), 5,124 tan (Sandakan)
 - **Tahun 2024:** 11,308 tan (Tawau), 2,614 tan (Sandakan), 853 tan (Kota Kinabalu)
 - **Januari hingga Mei 2025:** 3,537 tan (Tawau), 1,216 tan (Sandakan), 1,561 tan (Kota Kinabalu)

Jumlah ini mencerminkan peningkatan penggunaan racun perosak dan sekaligus keperluan mendesak untuk menguruskan bekas-bekasnya secara berhemah dan lestari.

8. Sehubungan itu, **Jabatan Pertanian** melalui Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja mencadangkan agar pihak MOSTI mempertimbangkan pembangunan **pakaian pelindung berteknologi tinggi** untuk digunakan oleh petani ketika mengendalikan racun perosak bagi menjamin keselamatan dan kesihatan mereka.
9. Bagi tujuan jangka panjang, satu **kajian dua tahun** bernilai RM20,000.00 yang dijalankan oleh **Universiti Malaysia Sabah (UMS)** sedang dirancang bagi menilai tahap kefahaman petani terhadap risiko bekas racun perosak yang tidak diuruskan dengan betul. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti amalan pengurusan semasa dan tahap kesedaran terhadap keperluan kitar semula. Ia menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif melalui semakan dokumen, temu bual dan soal selidik. Dapatan kajian akan menjadi asas kepada pembangunan garis panduan pengurusan bekas racun perosak dari perspektif petani itu sendiri.

Hadirin yang dihormati,

10. Saya difahamkan bahawa pada pagi ini turut berlangsung **Kursus Keselamatan Penggunaan Racun Perosak** anjuran **G-Planter Sdn. Bhd.** kepada pengurus ladang dan wakil persatuan pekebun kecil sawit. Syabas diucapkan atas inisiatif ini yang memperkukuh amalan pertanian bertanggungjawab dan selamat. Syarikat G-Planter turut menjadi rakan strategik program ini dengan menyediakan kemudahan kutipan bekas racun yang telah dibersihkan bagi dilupuskan atau dikitar semula secara selamat dan teratur.

11. Pada majlis ini juga, kita akan menyaksikan penyerahan **tujuh (7) unit sangkar kitar semula bekas racun perosak** hasil sumbangan tujuh syarikat perladangan kelapa sawit. Sumbangan ini amat dihargai dan akan dimanfaatkan oleh pekebun kecil di lokasi-lokasi terpilih.
12. Jabatan Pertanian merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan program ini, khususnya **Jabatan Pertanian Sabah, MPOB, KLK Lahad Datu, UMS**, serta syarikat-syarikat perladangan seperti **IOI Group, Sawit Kinabalu, Tradewinds, Hap Seng, Felda Sahabat, FGV** dan **G-Planter Berhad** selaku penaja logistik dan bahan promosi. Terima kasih juga diucapkan kepada **Ladang Rimmer KLK** atas kesudian menjadi tuan rumah program ini.
13. Akhir kata, marilah kita menjadikan program ini sebagai pemangkin kepada sistem pengurusan racun perosak yang lebih selamat, sistematik dan bertanggungjawab di negeri Sabah, demi kesejahteraan alam sekitar dan masa depan industri kelapa sawit negara.

Sekian, wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum w.b.t.